



PLUS MALAYSIA BERHAD

# KOD TATA KELAKUAN



# CODE OF CONDUCT

## **PRAKATA KEPADA KAKITANGAN**

Kod Tata Kelakuan dan Etika Kerja (“Kod”) ini mengandungi polisi dan panduan yang berkaitan dengan piawai dan etika yang perlu dipatuhi oleh semua kakitangan semasa menjalankan kerja mereka. Kod ini diadakan untuk mengekalkan disiplin dan aturan di tempat kerja dalam kalangan kakitangan pada semua peringkat. Kod ini juga menjelaskan dalam keadaan bagaimana kakitangan dianggap telah melanggar Kod dan tindakan yang boleh diambil terhadap mereka.

Prosedur khusus tentang penggunaan Kod ini akan dijelaskan dalam polisi dan manual prosedur Syarikat.

Pihak Syarikat berhak untuk meminda, menghapus atau menambah sebarang peruntukan dalam Kod ini sebagaimana dan apabila dianggap perlu.

Kod ini disediakan di dalam dwi-bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang keraguan maksud di dalam versi Bahasa Malaysia sila rujuk versi Bahasa Inggeris.

Semua kakitangan adalah dilarang sama sekali untuk berurusan dengan mana-mana aktiviti tidak sah, sama ada membayar atau mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti yang mungkin akan mencemarkan nama baik Syarikat.

Nota:

- i. Kod ini adalah sebahagian daripada polisi dan prosedur Syarikat dan hendaklah dibaca bersama Manual Anti Rasuah dan Korupsi Syarikat.
- ii. Jika terdapat sebarang keraguan berkenaan Kod ini, kakitangan hendaklah merujuk kepada Bahagian Sumber Manusia.
- iii. Bagi kakitangan yang dilindungi oleh skop perwakilan Kesatuan Sekerja, terma-terma yang terkandung di dalam Perjanjian Bersama akan diguna pakai sekiranya berbeza daripada Kod ini.

---

## TAKRIF

Berikut adalah takrif yang digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Kod:

<b>Aplikasi mesej</b>	Laman web dan aplikasi yang membolehkan mesej dihantar serta merta ( <i>instant messaging</i> ) termasuk dan tidak terhad kepada WhatsApp, Telegram, Facebook Messenger dan sebagainya.
<b>Bahan terlarang</b>	Minuman beralkohol, bahan terkawal dan dadah/ubat berbahaya kecuali yang diberikan kepada kakitangan mengikut preskripsi doktor.
<b>Kakitangan</b>	Seseorang yang digaji oleh Syarikat termasuk pekerjaan berstatus tetap, kontrak dan sementara. Bagi kakitangan kontrak, terma dan syarat kontraknya hendaklah digunakan apabila terma dan syaratnya itu berbeza daripada polisi dalam Kod ini.
<b>Keluarga</b>	Ibu bapa, abang, adik, kakak, datuk, nenek, mertua, anak kakitangan yang berkenaan.
<b>Maklumat sulit</b>	Sebarang maklumat berkenaan dengan Syarikat, perniagaannya atau sebarang hal lain yang: <ul style="list-style-type: none"><li>a) secara munasabah pihak Syarikat percaya bahawa pengeluaran maklumat akan mendatangkan keburukan kepada pihak Syarikat atau kebaikan kepada pesaing dagangan.</li><li>b) secara munasabah pihak Syarikat percaya bahawa maklumat belum diumumkan kepada orang awam; dan</li><li>c) dua (2) kriteria di atas akan ditentukan berdasarkan penggunaan dan amalan dalam industri.</li></ul>
<b>Media sosial</b>	Blog atas talian, forum, laman mesej dan web media sosial termasuk dan tidak terhad kepada Facebook, Twitter, Instagram, Telegram, TikTok, LinkedIn dan sebagainya.
<b>Pasangan</b>	Isteri atau suami yang sah kepada kakitangan.
<b>Sumber Manusia</b>	Bahagian Sumber Manusia.

**Syarikat**

PLUS Malaysia Berhad (No. Syarikat 201001039714 (923639-A)) dan syarikat berkaitan, bersekutu atau gabungan, termasuk entiti dalam Kumpulan Syarikat PLUS seperti Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (“PLUS Berhad”), Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd., Teras Teknologi Sdn. Bhd., Teras Control Systems Sdn. Bhd., Terra PLUS Sdn. Bhd. dan Zoom Interactive Sdn. Bhd. .

Semua rujukan kepada lelaki hendaklah termasuk perempuan melainkan dinyatakan sebaliknya. Semua perkataan dalam bentuk mufrad (tunggal) hendaklah merangkumi perkataan dalam bentuk jamak atau sebaliknya.

## 1. TINGKAHLAKU PROFESIONAL

Semua kakitangan hendaklah mematuhi dan mengikuti tata kelakuan profesional yang terbaik. Dalam semua segi dan setiap masa, mereka hendaklah bersikap berwibawa, sesuai dan sopan dan tidak boleh dalam sebarang keadaan, melakukan sebarang tindakan atau melakukan kecuaiian yang akan merosakkan harta, reputasi atau kepentingan umum Syarikat.

Kakitangan perlu menunjukkan rasa hormat dan tolok ansur di antara satu sama lain walaupun berlainan budaya dan agama, semasa berada di dalam atau di luar negara dan hendaklah sentiasa menunjukkan tingkah laku yang baik setiap masa.

Syarikat tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk kelakuan kasar atau paksaan atau menggunakan kekasaran fizikal atau gangguan seksual dalam kalangan kakitangan sama ada secara lisan atau sebaliknya.

## 2. DISKRIMINASI

Syarikat akan sentiasa mempromosikan kepelbagaian dalam suasana kerja dan menerapkan inklusiviti di tempat kerja.

Untuk memupuk suasana kerja yang saling menghormati dan harmoni, Syarikat tidak akan bertolak ansur dalam perihal diskriminasi di setiap peringkat organisasi dan di setiap aspek suasana kerja dan perhubungan pekerjaan, termasuk pengambilan pekerja, pemilihan, kenaikan pangkat, perpindahan latihan, penggajian, faedah dan penamatan kerja. Ia juga merangkumi kadar bayaran, lebihan masa, tempoh bekerja, cuti, kerja shif, disiplin dan penilaian pekerjaan.

Oleh itu, diskriminasi pekerjaan melibatkan halangan peluang atau layanan kesamarataan terhadap seseorang adalah dilarang berdasarkan:

- a. Kaum
- b. Bahasa
- c. Latar belakang budaya
- d. Etnik
- e. Kerakyatan
- f. Taraf perkahwinan
- g. Umur
- h. Jantina
- i. Penghamilan
- j. Status keluarga
- k. Keturunan

Hak kebebasan dari diskriminasi ini melibatkan semua kakitangan termasuk pekerja tetap, pekerja sambilan, pekerja sementara, pekerja percubaan dan pekerja kontrak.

Walaupun bagaimanapun layanan berbeza berdasarkan keperluan pekerjaan yang sah atau di atas sebab pengecualian spesifik yang diperuntukkan dibawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa adalah dibenarkan.

Tindakan disiplin boleh diambil ke atas kakitangan yang didapati mengamalkan diskriminasi di tempat kerja.

### **3. KEHADIRAN/KETEPATAN MASA**

Semua kakitangan perlu mematuhi waktu bekerja yang ditetapkan oleh Syarikat. Jika pada hari tertentu, seorang kakitangan tidak dapat bekerja pada waktu yang ditetapkan, dia hendaklah memaklumkan kepada penyelia terdekatnya dengan apa cara sekalipun secepat mungkin dan dalam sebarang keadaan dalam tempoh satu (1) jam dari permulaan waktu bekerja biasa mereka pada hari tersebut, atau bagi kakitangan yang mengikut waktu kerja syif, dalam tempoh 3.5 jam sebelum waktu kakitangan tersebut sepatutnya mula bekerja.

Kehadiran lewat oleh kakitangan akan dirakamkan dalam rekod kehadiran kakitangan berkenaan yang disimpan oleh Syarikat. Jika kakitangan lewat datang bekerja beliau perlulah memberi penjelasan kepada penyelia yang akan menilai sama ada untuk menerima atau menolak alasan yang diberi. Bagi alasan yang tidak diterima, kakitangan tersebut perlu melalui sesi kaunseling dengan penyelia beliau. Sekiranya kakitangan tersebut lewat hadir bekerja selama tiga (3) kali dalam tempoh enam (6) bulan tanpa alasan yang munasabah, dia boleh dikenakan tindakan disiplin mengikut proses dan prosedur disiplin Syarikat yang sedia ada. Untuk maksud seksyen ini, “alasan yang munasabah” hendaklah ditafsirkan sebagai alasan yang pada pendapat Syarikat tidak remeh, sambil lewa, sembarangan atau tidak penting.

Seseorang kakitangan yang tidak boleh hadir bekerja kerana sakit hendaklah mengemukakan sijil cuti sakit asal kepada ketua/penyelia pada hari dia kembali bekerja. Melainkan diberi cuti sakit, dia dikehendaki memohon cuti setengah hari jika dia berhasrat untuk tidak hadir bekerja lebih daripada tiga (3) jam atau cuti sehari penuh jika dia berhasrat untuk tidak hadir bekerja melebihi empat (4) jam pada hari tersebut.

Kakitangan tidak boleh terus menerus tidak hadir bekerja untuk lebih dari dua (2) hari bekerja berturut-turut tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan untuk bercuti daripada ketua/penyelia. Kakitangan yang terpaksa mengambil cuti kecemasan hendaklah memaklumkan kepada ketua/penyelia atau pihak Sumber Manusia dengan segera. Kakitangan yang terus menerus tidak hadir bekerja untuk lebih dari 2 (dua) hari tanpa kelulusan akan dianggap telah membatalkan kontrak perkhidmatannya.

---

#### **4. PENAMPILAN DIRI**

Semua kakitangan hendaklah berpakaian yang sesuai dan kemas pada setiap masa di tempat kerja seperti yang telah dimaklumkan dan dibenarkan oleh pihak Syarikat. Mereka dikehendaki mengekalkan penampilan diri yang tertib, rapi, elok, bersih dan kemas.

Pakaian kasual termasuk kemeja-T (kecuali yang dibenarkan oleh pihak Syarikat), selipar dan sandal adalah dilarang semasa waktu bekerja.

Kegagalan mengikut garis panduan yang ditetapkan boleh mengakibatkan tindakan disiplin diambil berdasarkan proses dan prosedur Syarikat yang sedia ada.

##### **Kasut**

Kasut kerja yang bersesuaian dan wajar. Pemakaian selipar atas sebab-sebab kesihatan atau untuk mengambil wudhu' (bagi kakitangan Muslim) adalah dibenarkan.

##### **Uniform Korporat**

Uniform Korporat perlu dipakai ketika upacara rasmi atau jika diarahkan oleh pihak Syarikat. Kakitangan yang beruniform dikehendaki memakai uniform sepanjang waktu bekerja melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh pihak Syarikat mengikut keperluan operasi semasa. Seluar dan tudung mestilah berwarna hitam atau biru tua.

#### **5. SALAH GUNA DADAH DAN ALKOHOL**

Bahan terlarang tidak boleh dibawa, disimpan, diminum, dimakan, dijual, dibeli atau dikendalikan dalam apa cara pun di premis Syarikat. Kakitangan dilarang sama sekali membiarkan diri mereka berada di bawah pengaruh alkohol dan/atau dadah atau apa jua bahan terlarang semasa bertugas. Kakitangan hendaklah memberitahu ketua/penyelia atau Ketua, Sumber Manusia jika mereka mengambil ubat-ubat tertentu yang boleh menyebabkan beliau tidak dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan yang akan memudaratkan keselamatan diri sendiri dan/atau kakitangan lain.

Adalah menjadi tanggungjawab semua kakitangan untuk memaklumkan kepada ketua/penyelia atau Ketua, Sumber Manusia dengan kadar segera jika beliau mengetahui atau mengesyaki bahawa seseorang kakitangan terlibat di dalam penggunaan, pengambilan atau mengendalikan sebarang bahan terlarang. Pihak Syarikat menggalakkan kakitangan yang mempunyai masalah ketagihan alkohol atau dadah untuk memaklumkan ketua mereka (yang kemudian akan memaklumkan Ketua, Sumber Manusia dengan kadar segera/serta merta), atau terus kepada Ketua, Sumber

Manusia. Pihak Syarikat, atas budi bicaranya dan tanpa menjejaskan haknya untuk menamatkan perkhidmatan kakitangan tersebut, memberi bantuan yang sesuai kepada kakitangan yang terlibat di dalam penyalahgunaan dadah yang membuat pengakuan serta tampil secara sukarela agar kakitangan terlibat dapat menjalani rawatan pemulihan di pusat-pusat pemulihan yang diakui.

Dari semasa ke semasa, pihak Syarikat, mengikut pertimbangannya, akan mengarahkan kakitangan untuk menjalani ujian terhadap penggunaan dadah dan bahan terlarang. Kakitangan yang menolak daripada menjalani ujian tersebut boleh dikenakan tindakan disiplin yang dirasakan bersesuaian oleh Syarikat.

Pihak Sumber Manusia bertanggungjawab dalam menentukan butiran salah laku atau masalah tersebut dan bentuk tindakan disiplin bersesuaian yang akan dikenakan ke atas kakitangan terbabit termasuk, dan tidak terhad kepada, teguran, penggantungan kerja atau pembuangan kerja. Pihak Sumber Manusia boleh, sekiranya didapati wajar, membuat laporan kepada Pengurusan bersama saranan tindakan disiplin bersesuaian ke atas kakitangan tersebut.

## **6. POLISI DAN LARANGAN MEROKOK**

### **A Bangunan dan Kawasan Pejabat**

Dilarang merokok di semua ruang kerja di dalam kawasan tertutup pada setiap masa.

### **B Kenderaan**

Dilarang merokok di dalam semua kenderaan pool Syarikat atau mana-mana kenderaan yang disewa oleh Syarikat (kedua-dua dianggap sebagai ruang kerja).

### **C Ketidapatuhan**

Kakitangan yang didapati melanggar polisi ini akan dikenakan tindakan disiplin berdasarkan prosedur disiplin Syarikat;

- i. Di mana merokok boleh mengakibatkan/mengundang bahaya kepada keselamatan/ancaman kebakaran di tapak/kemudahan yang mudah terbakar serta merta, tingkahlaku tersebut dianggap sebagai salah laku serius dan kakitangan tersebut boleh diberhentikan kerja tanpa sebarang notis.



- ii. Sekiranya pihak luar seperti klien, pelanggan, kontraktor, pekerja agensi atau pembekal tidak mematuhi polisi ini, mereka hendaklah diberi amaran terlebih dahulu bahawa mereka sedang melakukan kesalahan dan diminta untuk tidak merokok dan sekiranya mereka enggan, mereka akan diminta beredar, atau diiring keluar dari kawasan Syarikat serta-merta.
  
- iii. Seajar dengan polisi ini, kakitangan adalah diingatkan bahawa di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, sub-peraturan 11(3), kakitangan boleh didakwa di bawah Akta tersebut dan dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi dua (2) tahun kerana melanggar Akta tersebut.
  
- iv. Pihak Syarikat tidak akan menyediakan bantuan dalam apa bentuk sekalipun termasuk tetapi tidak terhad kepada nasihat perundangan atau sokongan di dalam keadaan-keadaan sedemikian.

## **7. TANGGUNGJAWAB TERHADAP HARTA, KEMUDAHAN, SUMBER DAN REKOD SYARIKAT**

Prosedur lengkap berkenaan penggunaan polisi yang dirujuk oleh Kod ini digariskan di dalam manual polisi dan prosedur Syarikat.

Semua kakitangan bertanggungjawab untuk melindungi harta, kemudahan, sumber dan rekod Syarikat dari pembaziran, hilang, disalahguna, kecurian, diselewengkan atau pencerobohan. Sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh Syarikat kerana kegagalan kakitangan mematuhi perkara di atas akan dituntut daripada kakitangan tersebut melalui potongan gaji atau sebarang kaedah lain. Syarikat boleh mengambil tindakan disiplin yang sewajarnya terhadap kakitangan termasuk melaporkannya kepada pihak berkuasa.

## **8. PENGURUSAN PENIPUAN**

Adalah menjadi tanggungjawab pihak Pengurusan dan kakitangan atau mana-mana pihak yang mempunyai hubungan perniagaan secara langsung atau tidak yang berurusan dengan Syarikat untuk melaporkan serta merta sesuatu penipuan atau mengesyaki berlaku sesuatu penipuan kepada Ketua Bahagian/Jabatan dan/atau kepada

Bahagian Sumber Manusia. Laporan berkenaan penipuan atau penggelapan hendaklah dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kejadian atau dikesan.

## 9. KOD ETIKA

### A Komitmen

Semua kakitangan hendaklah melaksanakan tanggungjawab yang diberikan atau yang ditetapkan kepada mereka dari semasa ke semasa dengan tekun dan penuh bertanggungjawab dan kesungguhan di sepanjang perkhidmatan dan dalam menjalankan tugas yang berkaitan dengan pekerjaan mereka.

- i. Semua kakitangan dikehendaki pada setiap masa meningkatkan dan mengutamakan kepentingan Syarikat dan tidak boleh melakukan sesuatu yang akan menjejaskan reputasi Syarikat.
- ii. Semua kakitangan hendaklah mematuhi, menuruti dan mengikuti kaedah, peraturan, prosedur, amalan, perintah, arahan dan polisi Syarikat, sama ada dinyatakan secara nyata atau tersirat melalui undang-undang, adat atau amalan lazim.

### B Kerahsiaan

- i. Kakitangan tidak dibenarkan sama sekali untuk berbincang, berkongsi atau mendedahkan maklumat sulit yang berkaitan dengan Syarikat secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana orang atau Syarikat lain, semasa atau selepas penamatan perkhidmatan mereka dengan Syarikat kecuali:
  - a) maklumat itu pernah diumumkan kepada orang awam sebelum itu; atau
  - b) setelah arahan nyata atau dengan kelulusan nyata Syarikat berdasarkan klasifikasi maklumat seperti yang dinyatakan di bawah Polisi Keselamatan Maklumat (*Information Security Policy*); atau
  - c) diperlukan, dikehendaki atau menjadi obligasi untuk berbuat demikian dari segi undang-undang.
- ii. Kakitangan tidak seharusnya berbincang tentang maklumat sulit yang berkaitan dengan Syarikat, rakan perniagaan, pelanggan atau kliennya, kakitangannya atau sebarang maklumat sulit lain, di dalam atau di luar premis Syarikat sama ada dalam kalangan mereka atau dengan orang lain, kecuali dalam menjalankan urusan Syarikat.

- iii. Kakitangan hendaklah sentiasa melindungi integriti dan keselamatan maklumat Syarikat.
- iv. Adalah menjadi polisi Syarikat bahawa sebarang maklumat yang berkaitan dengan Syarikat dalam apa-apa cara pun dan pada umumnya tidak diberikan kepada orang awam hendaklah dianggap sebagai amat sulit. Maklumat sedemikian tidak boleh dikongsi atau digunakan oleh mana-mana kakitangan sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi mempengaruhi keputusan pelaburan yang berkaitan dengan pembelian atau penjualan sekuriti.
- v. Obligasi pertama bagi mana-mana kakitangan yang menerima sapina atau permintaan lain yang meminta pendedahan maklumat sulit berkaitan dengan Syarikat, hendaklah menghubungi ketua/penyelia terdekatnya atau Perhubungan Sumber Manusia untuk mendapatkan panduan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Polisi Keselamatan Maklumat (Information Security Policy) dan Panduan Keselamatan Maklumat (Information Security Guide).

### **C Keingkaran dan Ketidakcekapan**

Kakitangan tidak boleh melakukan sebarang tindakan keengganan, keingkaran atau ketidakpatuhan yang sengaja terhadap sebarang arahan yang sah dan munasabah daripada ketua/penyelia termasuklah keengganan untuk melaksanakan kerja yang diberikan dan sengaja melengahkan kerja lalu menyebabkan kesan buruk kepada mutu dan/atau kuantiti kerja.

### **D Siaran Akhbar dan Pernyataan Awam**

Kakitangan hendaklah memaklumkan kepada ketua/penyelia terdekatnya jika seorang ahli media menemuinya untuk mendapatkan sebarang maklumat, pernyataan atau pendapat berkenaan dengan Syarikat. Ketua/Penyelia terdekat hendaklah memaklumkan kepada pihak Perhubungan Korporat untuk tindakan selanjutnya.

Kakitangan tidak boleh membuat sebarang pernyataan awam berkenaan polisi atau keputusan Syarikat sama ada secara lisan atau bertulis atau dalam sebarang bentuk apa-apa pun, atau mengedar atau menyebabkan sebarang pernyataan sedemikian diedarkan.

### **E Penampilan Awam sebagai Penceramah Jemputan atau Ahli Panel**

Mana-mana kakitangan yang telah dijemput untuk muncul sebagai penceramah jemputan dalam forum awam dan jika dia berhasrat untuk menampilkan diri di dalam forum sedemikian, maka hendaklah mengemukakan perincian dan/atau cadangan tajuk ceramah kepada ketua/penyelia terdekatnya. Ketua/Penyelia terdekat seterusnya hendaklah mengemukakan cadangan itu kepada Pengurusan untuk dipertimbangkan. Kakitangan hanya boleh menampilkan diri jika kelulusan untuk berbuat demikian telah diperolehi terlebih dahulu.

### **F Penerbitan**

Kakitangan tidak dibenarkan menerbit atau mengagihkan artikel, buku, terbitan berkala, risalah, brosur, dsb. dalam sebarang bentuk bertulis atau bercetak yang mengandungi maklumat yang berkaitan dengan Syarikat, tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Syarikat.

### **G Konflik Kepentingan**

Sepanjang perkhidmatannya dengan Syarikat, seseorang kakitangan tidak boleh melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam sebarang perniagaan atau pekerjaan lain sama ada sebagai prinsipal, ejen, pekerja atau broker semasa masih berkhidmat dengan Syarikat. Kakitangan juga tidak dibenarkan melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan kepentingan Syarikat.

Semua kakitangan mesti mengisytiharkan konflik melalui Portal Integriti apabila menyedari bahawa kedudukan mereka di dalam syarikat mewujudkan konflik kepentingan yang sebenar, berpotensi atau dilihat.

Seseorang kakitangan boleh memperoleh atau memegang saham dalam sebarang Syarikat awam yang tersenarai. Walaubagaimanapun, dia hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Syarikat jika dia berhasrat untuk memperoleh pegangan saham yang besar dalam sebarang Syarikat (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat, 1965) atau memegang jawatan pengarah dalam Syarikat yang sama.

Umumnya, seseorang kakitangan tidak dibenarkan memegang atau menerima jawatan pengarah luar dan penerimaan sesuatu jawatan pengarah. Walaubagaimanapun, seseorang kakitangan boleh menerima pelawaan sebagai pengarah daripada organisasi-organisasi “non-profit”, institusi-institusi pengajian dan universiti-universiti sekiranya tidak bercanggah dengan kepentingan Syarikat dan tertakluk kepada pengisytiharan/kelulusan awal/kebenaran dari pihak Pengurusan/Lembaga Pengarah.

Seseorang kakitangan tidak dibenarkan menyertai dalam atau mempengaruhi pembelian barangan dan perkhidmatan daripada mana-mana Syarikat atau orang yang dalamnya atau melaluinya kakitangan itu mempunyai atau akan memperoleh kepentingan atau manfaat langsung atau tidak langsung.

Selepas menerima Kod ini, semua kakitangan hendaklah mengisytiharkan semua kepentingan di dalam Borang Pengisytiharan untuk Konflik Kepentingan dan perhatian khusus hendaklah diberikan kepada notanya yang menerangkan jenis kepentingan yang mesti diisytiharkan. (Kakitangan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap maklumat yang diisytiharkan di dalam Borang Pengisytiharan untuk Pencanggahan Kepentingan di Bahagian 1 dan 2).

Sebarang cadangan yang dibuat oleh mana-mana kakitangan untuk tawaran yang tidak diminta bagi membeli sebarang atau semua kepentingan ekuiti mana-mana Syarikat dalam Kumpulan akan dilihat sebagai satu keadaan yang boleh menimbulkan konflik kepentingan jika kakitangan itu terus berkhidmat dengan Kumpulan. Dalam keadaan sedemikian kakitangan tersebut hendaklah meletakkan jawatan dengan serta merta.

Semua kakitangan juga hendaklah membuat pengisytiharan konflik kepentingan secara ad hoc sekiranya konflik yang tidak diduga timbul.

Sekiranya berlaku konflik kepentingan, semua kakitangan hendaklah melaporkannya kepada penyelia dengan menggunakan Borang Konflik Kepentingan seperti yang termaktub dalam manual Pencegahan Rasuah dan Rasuah Syarikat.

Kakitangan juga dikehendaki untuk melengkapkan Borang Konflik Kepentingan Syarikat dua kali setahun (atau seperti yang dikehendaki oleh Syarikat) melalui Portal Integriti walaupun kakitangan tersebut tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sepanjang tempoh perkhidmatan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Manual Anti-Rasuah dan Korupsi Syarikat.

---

## **H Hadiah atau Buah Tangan**

Adalah menjadi polisi Syarikat bahawa kakitangan atau suami/isterinya atau mana-mana ahli keluarga yang terdekatnya tidak boleh secara langsung atau tidak memberi atau menerima sebarang bentuk hadiah atau buah tangan daripada kontraktor, pembekal, pelanggan, kakitangan kerajaan atau mana-mana pihak lain yang mempunyai urusan perniagaan dengan Syarikat.

Kakitangan hendaklah melaporkan semua hadiah yang diterima kepada Ketua Jabatan atau penyelia terdekat dan menyerahkannya kepada Sumber Manusia atau pengurus yang dilantik.

Kakitangan juga dikehendaki untuk melengkapkan Borang Pemberian dan Penerimaan Hadiah dua kali setahun (atau seperti yang dikehendaki oleh Syarikat) melalui Portal Integriti walaupun pekerja tidak memberi atau menerima sebarang hadiah sepanjang tempoh perkhidmatan.

Sekiranya Ketua Jabatan atau pihak atasan berada di dalam keadaan tidak mungkin untuk menolak atau mengembalikan hadiah, atau keengganan itu mungkin adalah satu kesalahan, Ketua Jabatan boleh menerima hadiah tersebut dan memutuskan sama ada:

- i. Membenarkan kakitangan menyimpan hadiah
- ii. Mempamerkan hadiah kepada umum; atau
- iii. Berkongsi hadiah dalam kalangan kakitangan

Hadiah yang diberi atau diterima daripada pegawai kerajaan hendaklah direkodkan oleh Ketua Jabatan atau pengurus langsung dan dilaporkan kepada pihak Governans dan Integriti.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Manual Anti-Rasuah dan Korupsi Syarikat.

Mana-mana kakitangan yang didapati memberi atau menerima hadiah atau buah tangan yang bercanggah dengan peruntukan-peruntukan di atas oleh dikenakan tindakan disiplin.

## **I Keraian**

Kakitangan tidak boleh menerima sebarang keraian percuma daripada mana-mana klien, pelanggan, pembekal, kontraktor Syarikat, atau mana-mana pihak yang mempunyai urusan perniagaan dengan pihak Syarikat kecuali keraian itu akan atau mampu dibalas oleh kakitangan itu:

- i. berdasarkan kemampuan peribadinya; atau
- ii. dengan memperoleh pembayaran balik daripada Syarikat sebagai sebahagian perbelanjaan keraian untuk perniagaan Syarikat.

Dalam menerima semua keraian itu, panduan yang ditetapkan dalam perenggan (H) dari segi penerimaan hadiah atau buah tangan hendaklah digunakan.

## **J Hospitaliti**

Semua kakitangan adalah dilarang untuk menggunakan Hospitaliti sebagai kenderaan untuk rasuah dan korupsi. Secara umumnya, semua Hospitaliti yang ditawarkan dan diterima tidak boleh menjadi berlebihan, berkadar mengikut gred individu yang terlibat, dan tidak mempunyai pengaruh atau yang berkaitan dengan tugas individu dan membuat keputusan.

Syarikat melarang penawaran dan penerimaan Hospitaliti dalam bentuk perjalanan, pengangkutan dan penginapan. Kakitangan dibenarkan untuk menawarkan atau menerima hiburan dan rekreasi dengan syarat terdapat alasan yang wajar dan kelulusan terlebih dahulu daripada pihak pengurusan tertinggi.

Makanan boleh ditawarkan dan diterima oleh Pengarah dan kakitangan yang interaksi dengan pihak luar sebagai sebahagian daripada peranan mereka dalam PMB hanya apabila ia memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam Manual Anti-Rasuah dan Korupsi Syarikat.

Hospitaliti yang ditawarkan atau diterima daripada pegawai kerajaan hendaklah direkodkan oleh Ketua Jabatan atau pengurus langsung dan dilaporkan kepada pihak Governans dan Integriti.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Manual Anti-Rasuah dan Korupsi Syarikat.

## **K Permintaan/Kutipan Peribadi**

Syarikat tidak menggalakkan sebarang permintaan/kutipan daripada kakitangan semasa waktu bekerja kerana permintaan/kutipan seumpama itu akan mengganggu operasi perniagaan dan rutin kerja.

Kakitangan tidak dibenarkan menjual, mengagih atau bertindak sebagai ejen untuk penjualan atau pengagihan sebarang jenis makanan atau dagangan dalam premis pejabat sama ada semasa atau di luar waktu bekerja.

## **L Rasuah dan Pelawaan kepada Rasuah**

Kakitangan tidak boleh dalam apa-apa cara atau bentuk menawarkan diri bagi pihak Syarikat atau menerima suatu pelawaan rasuah atau rasuah untuk manfaatnya sendiri atau untuk manfaat ahli keluarga atau suami/isterinya.

## **M Bayaran Kemudahan**

Syarikat melarang penerimaan, pemberian, penawaran atau menjanjikan semua jenis pembayaran kemudahan oleh kakitangan atau rakan perniagaan yang berkhidmat bagi pihak Syarikat. Oleh itu, sebarang permohonan untuk pembayaran kemudahan harus ditolak dan dilaporkan kepada pihak Governans dan Integriti.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Manual Anti-Rasuah dan Korupsi Syarikat.

## **N Perkahwinan dan Pertukaran**

Dalam keadaan di mana berlaku perkahwinan antara kakitangan Syarikat dalam jabatan yang sama, salah seorang daripada pasangan tersebut hendaklah ditukarkan ke jabatan lain.

## **O Keluarga**

Syarikat tidak menggalakkan ahli keluarga kakitangan yang sedia ada diambil bekerja dengan Syarikat. Kakitangan berkenaan bertanggungjawab mengisytiharkan sama ada dia mempunyai keluarga atau isteri/suami yang bekerja dengan Syarikat ini atau mana-mana Syarikat dalam Kumpulan.

## **P Perhubungan Tempat Kerja**

- i. Kakitangan yang mempunyai perhubungan yang bukan profesional seperti perhubungan keluarga, kekasih atau intim dengan kakitangan yang lain, perhubungan tersebut mungkin akan menimbulkan konflik kepentingan dan juga peluang untuk disalahgunakan, berat sebelah atau dilihat sebagai mempengaruhi keputusan anda apabila keputusan dibuat melibatkan kakitangan yang mana anda mempunyai perhubungan yang bukan profesional tersebut.



- ii. Perhubungan sedemikian yang sudah terjalin ketika penyeliaan kerja secara langsung atau tidak langsung akan juga menjejaskan nilai profesional pada diri pekerja tersebut seperti rasa hormat dan kepercayaan yang sebaliknya akan memberi kesan kepada reputasi dan integriti Syarikat secara menyeluruh.
- iii. Dalam keadaan sedemikian anda tidak dibenarkan menyelia secara langsung atau tidak langsung kakitangan yang anda mempunyai perhubungan seperti dinyatakan di dalam peruntukan ini melainkan ia telah diberi kebenaran bertulis daripada Sumber Manusia.
- iv. Perhubungan seperti yang dinyatakan di item (i) diatas perlu dinyatakan di dalam Borang Pengisytiharan untuk Pencanggahan Kepentingan dan butiran berkenaan perhubungan tersebut perlu dihuraikan dengan jelas.

## **Q Politik**

Pihak Syarikat mengambil pendirian polos politik (apolitical) dan berkhidmat untuk Kerajaan semasa. Walaubagaimanapun, pihak Syarikat boleh menyertai perbincangan awam melibatkan Kerajaan semasa yang mungkin berkaitan dengan strategi dan prestasi perniagaan Syarikat.

Pihak Syarikat mengiktiraf bahawa kakitangan, sebagai seorang warganegara, ingin melibatkan diri di dalam aktiviti politik yang sah dan mengikut undang-undang. Walaubagaimanapun, Syarikat tidak menggalakkan kakitangan untuk mengambil bahagian di dalam mana-mana aktiviti politik.

Sekiranya seseorang kakitangan memilih untuk melibatkan diri dalam aktiviti politik, dia harus mematuhi berikut:

- i. Seseorang kakitangan harus menggunakan masanya sendiri atau mengambil cuti tahunan tertakluk kepada kelulusan daripada Ketua Jabatan/ Bahagian masing-masing.
- ii. Sekiranya seseorang kakitangan dilantik sebagai pemegang jawatan di peringkat Cawangan, Bahagian atau Kebangsaan sesebuah parti politik, dia hendaklah memaklumkan kepada Syarikat berkenaan perlantikan tersebut.
- iii. Bagi mengelakkan kepentingan Syarikat terjejas, seseorang kakitangan yang ingin bertanding di peringkat Negeri, Persekutuan dan/atau mana-mana pilihanraya, dia dikehendaki meletakkan jawatan di dalam Syarikat.

- iv. Kakitangan tidak boleh menggunakan kedudukan mereka di dalam Syarikat untuk cuba mempengaruhi mana-mana individu lain (sama ada bekerja atau tidak dengan Syarikat) untuk memberikan sumbangan politik atau menyokong ahli-ahli politik atau parti-parti mereka di dalam dan luar negara tanpa kelulusan daripada Ketua Syarikat.
- v. Seseorang kakitangan tidak dibenarkan membuat apa-apa sumbangan atau menanggung apa-apa perbelanjaan menggunakan sumber Syarikat untuk memanfaatkan mana-mana kempen politik, parti atau ahli politik di dalam dan luar negara tanpa kelulusan daripada Ketua Syarikat.
- vi. Kemudahan, peralatan dan sumber Syarikat tidak boleh digunakan untuk mana-mana kempen politik atau upacara parti.
- vii. Sumbangan amal tidak boleh digunakan sebagai ganti untuk bayaran politik yang dilarang.

## **R Pemberi Maklumat (Whistle-Blower)**

Semua kakitangan hendaklah sentiasa berwaspada terhadap apa-apa salah laku, penyelewengan atau apa-apa pelanggaran peraturan di tempat kerja. Semua kakitangan hendaklah melaporkan segera sebarang kejadian di atas kepada pihak Pengurusan untuk pembedahan serta-merta atau tindakan-tindakan lain untuk meminimalkan kebarangkalian kerugian kewangan atau reputasi. Untuk keterangan lanjut sila rujuk kepada Polisi Pemberi Maklumat (Whistle-Blower Policy).

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Manual Anti-Rasuah dan Korupsi Syarikat.

## **S Meminjam Wang**

Seseorang kakitangan tidak boleh, di dalam apa jua keadaan meminjam wang daripada kakitangan bawahan mereka atau daripada kontraktor, sub-kontraktor, perunding atau pembekal Syarikat. Tertakluk kepada perkara di atas dan apa-apa sekatan yang ditetapkan di dalam Kod Tata Kelakuan yang berkaitan dengan kakitangan, kakitangan boleh meminjam wang daripada sesiapa atau menjadi penjamin kepada mana-mana peminjam dengan syarat tindakan tersebut tidak meletakkan diri mereka di dalam satu permasalahan yang serius termasuk kepada:

- i. orang yang secara langsung atau tidak langsung di bawah kuasa rasmi kakitangan tersebut atau
- ii. orang yang akan atau kemungkinan akan berurusan secara rasmi.

## **T Pendedahan Lebihan Pembayaran**

Seseorang kakitangan yang telah menerima lebihan pembayaran gaji, elaun, tuntutan atau sebarang pampasan atau faedah melebihi kelayakan mesti memaklumkan kepada Sumber Manusia serta merta dan tanpa melengahkan pembayaran semula lebihan pembayaran tersebut kepada Syarikat.

## **U Pengurusan Media Sosial dan Aplikasi Mesej**

Pengurusan penggunaan media sosial dan aplikasi mesej adalah dikawal dan dipandu berdasarkan Kod ini, Polisi Keselamatan Maklumat (*Information Security Policy*) dan Panduan Keselamatan Maklumat (Kakitangan) (*Information Security Guide (Personnel)*) bagi melindungi kerahsiaan dan integriti maklumat, nama dan jenama Syarikat.

Kod ini memberikan panduan am bagi penggunaan media sosial dan aplikasi mesej oleh kakitangan seperti berikut:

- i. Seseorang kakitangan mestilah tidak berkongsi apa-apa maklumat sulit Syarikat di media sosial dan aplikasinya termasuk tetapi tidak terhad kepada WhatsApp dan Telegram, dimana ia boleh diakses oleh individu lain tanpa kebenaran untuk mengakses maklumat tersebut. Walaubagaimanapun, seseorang kakitangan adalah digalakkan untuk berkongsi berita, peristiwa penting dan pencapaian Syarikat yang tidak melibatkan maklumat sulit dalam akaun media sosial peribadinya.
- ii. Sebelum berkongsi sebarang maklumat Syarikat, seseorang kakitangan mesti mematuhi syarat sebelum berkongsi maklumat Syarikat berdasarkan klasifikasi maklumat seperti yang dinyatakan di bawah Polisi Keselamatan Maklumat (*Information Security Policy*) dan hanya boleh dikongsikan setelah mendapatkan kebenaran yang diperlukan. Perkongsian maklumat Syarikat tanpa kebenaran boleh menyebabkan kebocoran maklumat sulit dan boleh merosakkan reputasi dan prospek kewangan Syarikat.

- iii. Sekiranya terdapat sebarang ketidakpastian sebelum berkongsi maklumat Syarikat, seseorang kakitangan perlu merujuk kepada Ketua Jabatannya. Sekiranya perkongsian maklumat tersebut adalah untuk tujuan rasmi seperti kenyataan rasmi, sidang media, wawancara dan sebagainya, seseorang kakitangan perlu merujuk kepada Jabatan Perhubungan Korporat sebelum berkongsi maklumat.
- iv. Seseorang kakitangan tidak boleh menggunakan nama Syarikat, logo dan/atau bahan-bahan berkaitan dengan Syarikat untuk membuat pernyataan atau perwakilan tanpa kebenaran di platform media sosial, laman web pihak ketiga dan aplikasi mesej untuk mencapai objektif peribadi.
- v. Seseorang kakitangan mesti mengelakkan daripada mengepos atas talian apa-apa kandungan yang bersifat gangguan, sumbang, hinaan, memalukan, lucu atau melibatkan diri dalam sebarang perbuatan yang serupa yang tidak sesuai atau tidak boleh diterima di tempat kerja atau melanggar hakcipta dalam platform media sosial dan aplikasi mesejanya, yang boleh menyebabkan konflik dan ketidakharmonian dalam kalangan kakitangan Syarikat dan merosakkan reputasi Syarikat.
- vi. Seseorang kakitangan mesti mengelakkan daripada mengidentifikasi dirinya sebagai wakil Syarikat dan bercakap bagi pihak Syarikat tanpa keizinan nyata daripada Syarikat. Sekiranya seseorang kakitangan telah mengidentifikasi dirinya sebagai kakitangan semasa Syarikat dalam mana-mana platform media sosial seperti LinkedIn, kakitangan tersebut mesti menyatakan secara jelas kepada pembacanya bahawa pendapatnya dalam sebarang isu tidak mencerminkan pendapat Syarikat.
- vii. Seseorang kakitangan tidak sepatutnya menggunakan media sosial peribadi atau aplikasi mesej ketika waktu bekerja sekiranya ia mengganggu peranan kerja dan tugasannya.
- viii. Seseorang kakitangan adalah disyorkan untuk berbudi bahasa dan bertoleransi dengan pengguna lain di mana-mana platform media sosial dan aplikasi mesej ketika berkomunikasi dan berinteraksi atas talian.
- ix. Seseorang kakitangan perlu dimaklumkan bahawa apabila dia menggunakan internet, sistem dan peranti IT Syarikat, Syarikat berhak untuk melakukan pengawasan ke atas aktiviti media sosial dan aplikasi mesej termasuk menghalang akses kepada mana-mana laman web dan meminta untuk mana-mana pos atas talian yang tidak wajar (*inappropriate*) dipadamkan.

---

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Polisi Keselamatan Maklumat (*Information Security Policy*) dan Panduan Keselamatan Maklumat (Kakitangan) (*Information Security Guide (Personnel)*).

## **10. PERANTI TEKNOLOGI INFORMASI (IT)**

Semua peranti IT yang mengandungi maklumat Syarikat mestilah dilindungi daripada kecurian, kerosakan dan penyalahgunaan.

Syarikat melarang penggunaan peranti IT Syarikat yang menyalahi undang-undang, capaian yang tidak dibenarkan, penyalahgunaan waktu dan sumber Syarikat dan mempertaruhkan integriti dan keselamatan peranti tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Polisi Keselamatan Maklumat (*Information Security Policy*).

## **11. GANGGUAN SEKSUAL**

Adalah menjadi dasar Syarikat untuk menggalakkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat yang menggalakkan rasa hormat bersama di mana kakitangan tanpa mengira status atau kedudukan dilayan secara bermaruah dan bebas daripada gangguan seksual.

Kakitangan dilarang sama sekali daripada terlibat dengan apa bentuk gangguan, penghinaan dan ancaman yang bersifat seksual.

### **Takrif Gangguan Seksual**

Bagi tujuan Kod ini, gangguan seksual ditakrifkan sebagai:

Sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini dan memberi kesan sebagai satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal:

- i. Yang, atas alasan yang munasabah, boleh dianggap oleh penerima sebagai mengenakan syarat berbentuk seksual ke atas pekerjaannya; atau
- ii. Yang, atas alasan munasabah, boleh dianggap oleh penerima sebagai suatu kesalahan atau penghinaan atau ancaman kepada kesejahteraannya, tetapi tiada hubungan terus dengan pekerjaannya.

Gangguan seksual boleh terjadi di antara individu-individu yang berbeza jantina ataupun sesama jantina.

Berdasarkan takrif di atas, gangguan seksual boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori, iaitu paksaan seksual dan kegusaran seksual.

Paksaan seksual (*Sexual Coercion*) memberi kesan secara langsung kepada status pekerjaan seseorang. Sebagai contoh, di mana seorang pegawai atasan yang mempunyai kuasa menentukan gaji dan pangkat, cuba mengugut kakitangan bawahan untuk memberi layanan seksual kepadanya. Jika kakitangan bawahan tersebut tunduk dan akur kepada kehendak seksual pegawai atasan tersebut, faedah yang berkaitan dengan pekerjaan akan diperolehi. Sebaliknya faedah itu akan dinafikan jika kakitangan bawahan berkenaan menolak kemahuan pegawai atasan tersebut.

Kegusaran seksual (*Sexual Annoyance*), jenis gangguan seksual kedua ini adalah kelakuan yang berkaitan seksual yang menyinggung, bermusuhan atau menakutkan penerima, tetapi tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan faedah-faedah pekerjaan. Walau bagaimanapun tingkahlaku itu menimbulkan suasana kerja tidak tenteram kepada penerima (mangsa) yang terpaksa dialaminya untuk terus bekerja. Gangguan seksual oleh kakitangan terhadap rakan kerjanya termasuk di dalam kategori ini. Begitu juga dengan gangguan oleh pelanggan Syarikat terhadap kakitangan termasuk di dalam kategori ini.

Gangguan seksual di tempat kerja juga termasuk gangguan seksual yang berlaku di luar tempat kerja yang timbul daripada hubungan dan tanggungjawab yang berkaitan dengan pekerjaan. Situasi di mana gangguan seksual ini boleh berlaku termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- i. majlis sosial berkaitan dengan pekerjaan;
- ii. semasa menjalankan tugas di luar tempat kerja;
- iii. sesi persidangan atau latihan berkaitan dengan pekerjaan;
- iv. semasa perjalanan berkaitan dengan tugas;
- v. melalui telefon; dan
- vi. melalui media elektronik.

Adalah penting untuk ditekankan di sini bahawa gangguan seksual merujuk kepada sebarang tingkahlaku seksual yang tidak diingini dan tidak disenangi oleh penerima. Ia juga merupakan sebarang tingkahlaku seksual yang tidak diterima dan tidak dibalas oleh penerima.

---

## Bentuk-bentuk gangguan seksual

Gangguan seksual merangkumi pelbagai tingkahlaku yang bersifat seksual yang boleh dibahagikan kepada lima (5) jenis, iaitu:

- i. **Gangguan secara lisan** - kata-kata, komen, gurauan, usikan, bunyi dan soalan-soalan yang berbentuk ancaman atau cadangan seksual.
- ii. **Gangguan secara isyarat/bukan lisan** - pandangan atau kerlingan yang membayangkan sesuatu niat atau keinginan, menjilat bibir atau memegang atau memakan makanan dengan cara menggoda, isyarat tangan atau bahasa isyarat yang membayangkan perlakuan seks, tingkahlaku mengurur yang berterusan.
- iii. **Gangguan visual** - menunjukkan bahan-bahan lucah, melukis gambar lucah, menulis surat berunsur seksual, mendedahkan bahagian badan yang sulit yang tidak sepatutnya didedah.
- iv. **Gangguan psikologi** - mengulangi jemputan sosial yang telah tidak diterima, memujuk rayu berterusan untuk keluar bersama atau untuk bercumbuan.
- v. **Gangguan fizikal** - sentuhan yang tidak diingini, menepuk, mencubit, mengusap, menggesel badan, memeluk, mencium atau serangan seksual.

## Tindakan Disiplin

Gangguan seksual adalah merupakan satu bentuk salah laku yang berat, oleh itu semua kakitangan termasuk penyelia-penyelia dan pengurus-pengurus akan dikenakan tindakan disiplin yang boleh membawa kepada pembuangan kerja sekiranya didapati bersalah melakukan gangguan seksual. Kakitangan yang membuat tuduhan palsu dan aduan berniat jahat berkenaan gangguan seksual juga akan dikenakan tindakan disiplin.

Siasatan bebas dan menyeluruh secara sulit dan tertutup akan dijalankan ke atas semua aduan dakwaan gangguan seksual yang diterima.

## Prosedur Aduan

Disebabkan oleh sifat sensitif dan peribadi aduan gangguan seksual, kakitangan yang percaya mereka telah diganggu secara seksual adalah digalakkan untuk membuat aduan tentang laporan gangguan seksual kepada Sumber Manusia dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh kejadian.

